

Peruncit bumiputera mesti gigih, mesra pelanggan – PM

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

KUALA LUMPUR 5 April – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, golongan bumiputera yang mahu berjaya sebagai peruncit perlu memiliki sikap gigih dan mesra pelanggan.

Perdana Menteri berkata, peruncit mestilah bersedia mengorbankan masa untuk menjayakan perniagaan, yakin dan tidak mudah mengalah dalam menghadapi cabaran.

Dalam hal ini Abdullah menyuruh mereka melihat kepada contoh golongan bukan bumiputera yang cukup berjaya dalam bidang peruncitan.

Beliau turut menasihati para peruncit agar rajin mengukir senyuman dan melayan para pelanggan supaya kedai mereka terus dikunjungi dengan setia.

“Jangan sebab apa yang berlaku di rumah, di kedai bermuka masam. Sudahlah senyap, berdiri sahaja dan tidak mengucapkan selamat pagi pun.

“Ucapkan selamat datang dan tunjukkan barang-barang yang baru tiba di kedai kepada pelanggan yang datang.

“Kalau dah berat mulut, senyum pun tidak, baik para pelanggan pergi ke tempat lain,” katanya semasa berucap pada majlis pelancaran Program Peruncitan Bumiputera di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Program anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) itu akan membangunkan golongan peruncit melalui pembangunan syarikat tunggal dengan kewujudan rangkaian perniagaan di seluruh negara.

Mara juga akan mengenal pasti perniagaan berpotensi untuk dibangunkan melalui bantuan berpakej.

Perdana Menteri turut berpesan agar barang jualan di kedai runcit disusun dengan menarik dan wang kecil yang mencukupi disediakan.

“Kita kena ada duit mencukupi untuk melayan kerenah pelanggan.

“Kita tidak boleh menyebabkan pelanggan marah,” katanya.

Dalam hal ini beliau memberi amaran bahawa mereka yang mahu menceburi bidang itu perlu benar-benar berminat dan bukan sekadar mahu mencuba bidang baru.

“Kalau cuba, cuba bersungguh-sungguh. Jangan cuba-cuba, kemudian RM50,000 lesap,” kata Abdullah.

Perdana Menteri berharap agar program ini akan diguna dengan sebaiknya oleh golongan muda, khususnya wanita yang sedang mencari pekerjaan.

Pada masa sama, katanya, program ini juga boleh memberikan manfaat kepada anak-anak para peruncit.

“Kalau kita maju, anak-anak kita akan mendapat jaminan pekerjaan.

“Anak yang menimba lebih banyak ilmu pengetahuan akan memberikan tambah nilai kepada perniagaan yang dimulakan ayahnya.

Walaupun perniagaan bermula dengan lambat, lama-kelamaan ia akan menjadi besan di bawah pimpinan generasi kedua,” katanya.

Dalam pada itu, Abdullah berpesan agar mereka yang memperoleh pinjaman perniagaan membayar balik pinjaman seperti dijanjikan.

Walaupun majoriti peminjam Bank



ABDULLAH Ahmad Badawi menandatangani plak sambil disaksikan oleh Mohamed Khaled Nordin (kiri) ketika melawat pameran selepas melancarkan Program Peruncitan Bumiputera di PWTC di Kuala Lumpur, semalam.

— Gambar MOHD NOOR AMIN

Rakyat membayar balik pinjaman iaitu sebanyak 98 peratus, katanya, peratus selebihnya yang gagal berbuat demikian adalah golongan lelaki.

Namun beliau berharap agar perkara ini tidak lagi berlaku supaya Bank Rakyat dapat mengeluarkan lebih banyak peruntukan di bawah program ini di masa hadapan.